



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

ENAM INSIATIF PEMERKASAAN WANITA SEMPENA SAMBUTAN HARI WANITA TAHUN 2022

PUTRAJAYA, 9 Mac - YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia pada semalam telah menyempurnakan majlis **Sambutan Hari Wanita 2022** dengan tema "Saksama Bersama" bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW).

Pemilihan tema 'Saksama Bersama' disesuaikan dengan fokus Kerajaan yang memberi tumpuan khusus terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat secara inklusif terutamanya golongan wanita dalam agenda pembangunan negara berpandukan Wawasan Kemakmuran Bersama dan Rancangan Malaysia Kedua Belas. Tema ini juga selari dengan tema yang dipilih di peringkat antarabangsa iaitu *Gender Equality Today For A Sustainable Tomorrow* yang mengangkat aspirasi untuk mewujudkan dunia yang meraikan kepelbagaian, kesaksamaan serta keterangkuman untuk semua lapisan masyarakat, di mana kelebihan dan kekurangan individu diraikan secara inklusif.

Terima kasih kepada YAB Dato' Sri Ismail Sabri atas pengumuman enam (6) inisiatif bagi memastikan wanita Malaysia terus diperkasa seperti berikut:

- i. Penubuhan Majlis Wanita Negara yang akan mengkoordinasi perancangan dan pelaksanaan inisiatif-inisiatif pembangunan wanita di setiap peringkat antara pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri termasuk pihak swasta dan individu dalam kalangan pemimpin komuniti serta Badan Bukan Kerajaan (NGO);

- ii. Penggubalan Rang Undang-Undang Antigangguan Seksual yang menjadi komitmen utama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran tentang perlakuan gangguan seksual serta menghapuskan budaya menormalisasikan gangguan seksual sebagai gurauan atau perkara biasa ke arah persekitaran yang sihat, selamat dan mampan;
- iii. Pemerksaan Institusi Hakam di bawah Mahkamah Syariah bagi menambahbaik pengurusan proses perceraian dalam perkahwinan Islam dengan mempercepatkan masa yang diambil bagi pengurusan kes;
- iv. Memperkenalkan Akta Pembiayaan Kewangan untuk menjaga kebajikan isteri/wanita yang terlibat dalam tuntutan wang ringgit di mahkamah dengan membenarkan akaun bank suami dibekukan atau potongan terus dibuat melalui akaun bank suami melalui kaedah Hiwalah;
- v. Memberi kebenaran Bekerja dari Rumah (BDR) dalam tempoh yang bersesuaian bagi wanita yang kematian suami untuk menyelesaikan urusan keluarga, anak-anak dan peninggalan suami; dan
- vi. Mewajibkan Sambutan Hari Wanita dilaksanakan pada 8 Mac setiap tahun di semua peringkat bagi meraikan dan mengiktiraf peranan wanita.

Selain itu, YAB Perdana Menteri turut mengulangi komitmen Kerajaan melalui Suruhanjaya Sekuriti untuk mewajibkan pelantikan sekurang-kurangnya seorang pengarah wanita bagi semua syarikat senaraian awam. Inisiatif ini penting bagi meningkatkan penglibatan wanita yang layak dalam bidang kepimpinan serta mengiktiraf peranan wanita dalam proses membuat keputusan.

Pengumuman yang dibuat oleh YAB Perdana Menteri ini merupakan bukti komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam memastikan potensi wanita diupayakan sepenuhnya dan dimanfaatkan di dalam setiap aspek pembangunan negara. KPWKM menyokong penuh perkara ini dan akan meneruskan kerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan untuk memastikan inisiatif-inisiatif tersebut dapat dilaksanakan.

KPWKM turut menekankan pesanan oleh YAB Perdana Menteri mengenai kepentingan supaya agenda pembangunan wanita diberikan keutamaan oleh semua pihak dan diambil kira dalam setiap pengubalan dasar serta perancangan dan pelaksanaan program/inisiatif selari dengan tema “Saksama Bersama”.

###

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat (UKK)

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat